



## TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID  
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR  
BANDAR

MAJLIS ANUGERAH CEMERLANG  
KALI KE -21, TAHUN 2022

16 OKTOBER 2022 (AHAD)  
DEWAN PERDANA,  
SMK KUALA NERANG

Bismillahirrahmannirrahim..

Assalamualaikum wbt, selamat  
sejahtera dan salam Keluarga Malaysia

## **SALUTASI**

(Akan diberikan pada hari program)

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah inayahNya kita dapat bertemu dalam Majlis Anugerah Cemerlang

SMK Kuala Nerang kali ke-21, bagi tahun 2022 pada hari ini.

2. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Pengetua SMK Kuala Nerang kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis yang penuh bermakna ini.
3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada ibu bapa yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk hadir ke majlis ini. Kerjasama erat ibu bapa sangat diperlukan bukan sahaja untuk mendidik anak-

anak, tetapi perlu menyokong apa juga rancangan atau program dianjurkan pihak sekolah demi kejayaan anak masing-masing.

4. Tidak ketinggalan ucapan tahniah saya tujukan kepada guru-guru yang berjaya memartabatkan profesion perguruan sehingga mampu melahirkan modal insan yang berkualiti sehingga mencapai kecemerlangan yang diimpikan. Semoga majlis ini dapat dijadikan asas permulaan anjakan paradigma pelajar dalam menjana modal insan yang terbilang.

5. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak sekolah kerana berjaya mengadakan program ini sebagai satu program tahunan demi kepentingan para pelajar. Majlis ini merupakan satu majlis khas untuk meraikan pelajar-pelajar yang telah membuktikan kecemerlangan mereka dalam bidang akademik.

## **PENDIDIKAN KE ERA I.R 4.0**

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Pada hari ini, kita dapat melihat peranan pendidikan telah berubah

dengan jelas daripada fungsi tradisionalnya. Para pelajar bukan sahaja hadir ke sekolah untuk belajar tetapi untuk dididik sebagai pewaris negara agar menjadi modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia.

7. Justeru kita perlu bersedia untuk melakukan pembaharuan dalam sistem pendidikan melalui inovasi dasar dan strategi yang berterusan khususnya ketika negara bakal melangkah ke arah Revolusi Industri (I.R) 4.0.

8. Cara penyampaian pengajaran melibatkan *white board* dengan

menyalin nota dan sesi kuliah atau kelas yang panjang sudah lapuk serta mungkin kurang berkesan terutamanya dengan kewujudan teknologi baharu yang menjadi gaya hidup generasi kini. Sistem pendidikan negara perlu mengorak langkah ke arah pengajian yang dipandu teknologi digital yang lebih bersifat interaktif dan fleksibel.

9. Oleh itu, warga pendidik terutamanya perlulah melengkapkan diri dengan pengetahuan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT) bagi

membolehkan mereka mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0.

10. Warga pendidik perlu memiliki kefahaman yang jelas mengenai teknologi terkini untuk memantapkan lagi sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) seterusnya dapat membantu melaksanakan sesuatu perancangan yang telah diatitkan oleh kerajaan mahupun kementerian. Mahatma Gandhi ada menyatakan bahawa *“kepuasan terletak pada usaha, bukannya kejayaan.”*



# **PERANAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN**

Tuan / puan yang saya hormati sekalian,

11. Kecemerlangan seseorang pelajar bukan hanya bergantung kepada pembelajaran sekolah semata-mata. Ia sebenarnya turut dimainkan peranan oleh ibu bapa dalam menentukan pencapaian dan hala tuju anak masing-masing. Sikap mengambil berat dan memberikan sokongan adalah rencah paling utama dalam menentukan kejayaan mereka dalam pendidikan.

12. Namun perkara itu tidak akan terjadi sekiranya ibu bapa khususnya yang berada di kawasan pendalaman dan luar bandar terbeban dengan masalah kewangan bagi menampung kos pendidikan anak-anak mereka terutamanya yang bakal melanjutkan pendidikan ke menara gading.

## **BANTUAN PENDIDIKAN KPLB**

13. Menyedari peningkatan taraf hidup rakyat di sesebuah negara bermula dengan pendidikan, KPLB mengambil inisiatif membantu Keluarga Malaysia

yang berada di kawasan pedalaman dan luar bandar dengan menyediakan pelbagai bantuan pendidikan dan sumbangan dalam meringankan beban yang ditanggung oleh ibu bapa agar anak-anak mereka tidak tercicir daripada arus pendidikan.

14. Pembiayaan pendidikan, bantuan pendidikan, sumbangan zakat serta pinjaman pendidikan adalah antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensinya di bawah Kementerian ini dalam usaha mengatasi masalah

berkenaan bagi mendapat pendidikan sempurna.

15. Malah Kementerian ini turut membuka laluan yang luas untuk anak-anak di kawasan luar bandar bagi mendapatkan akses pendidikan sehingga ke peringkat pengajian tinggi dalam bidang profesional dan *technical, vocational, education, & training* (TVET).

## **KESTABILAN NEGARA**

16. Apa yang saya sebutkan sebentar tadi adalah bukti kerajaan di bawah

pimpinan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob sentiasa cakna kepada keperluan Keluarga Malaysia.

17. Bidang pendidikan sentiasa diberikan keutamaan oleh kerajaan. Ini kerana pendidikan penting untuk mengubah nasib anak bangsa.
18. Ini dibuktikan lagi apabila Bajet 2023 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz baru-baru ini masih kekal mengutamakan pendidikan sebagai

segmen terpenting perbelanjaan negara dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus menerima peruntukan terbesar iaitu sejumlah RM55.6 bilion berbanding peruntukan sedia ada dalam, Bajet 2022 iaitu RM52.6 bilion.

19. Namun semua ini tidak akan menjadi realiti sekiranya rakyat Malaysia tidak meletakkan kepercayaan kepada pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dalam mentadbir negara. Rakyat perlu menyerahkan mandat ini kepada pentadbiran sedia ada

dalam meneruskan agenda pembangunan negara.

20. Kerajaan yang memegang tampuk pentadbiran kini adalah terbukti mampu menterjemahkan harapan menjadi kenyataan. Daripada sebuah negara yang dibelenggu dengan masalah pentadbiran akibat kegagalan dua kerajaan sebelum ini mengurus ekonomi negara dengan baik, diikuti dengan penularan virus Covid19 dan masalah ekonomi dunia akibat peperangan antara Rusia dan Ukraine.

21. Kerajaan dibawah pimpinan YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah kembali bangkit membangunkan negara dan memacu Malaysia untuk kembali berada dalam landasan yang telah dirancangkan sejak dari dulu lagi.
  
22. Perdana Menteri melalui misi beliau ke beberapa buah negara maju di dunia misalnya telah berjaya menarik pedagang dari luar negara untuk melabur di Malaysia. Jumlah perdagangan negara juga telah meningkat sebanyak 33.1 peratus kepada RM1.87 trilion bagi tempoh



Januari – Ogos 2022, berbanding RM1.41 trilion pada tahun sebelum ini.

23. Justeru sekali lagi saya ingin tegaskan, penentu masa hadapan negara adalah di tangan rakyat Malaysia. Buatlah pilihan bijak demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

## **HARAPAN NEGARA BANGSA**

24. Malaysia perlu bergerak lebih pantas agar tidak ketinggalan dalam arus kemodenan. Kita perlu menjadi sebuah negara bangsa berdaulat

yang mempunyai acuan tersendiri dalam masyarakat majmuk serta harmoni ini.

25. Anak-anak muda yang ada pada masa kini perlu terhindar daripada terjerumus dengan ideologi yang sempit dan merosakkan minda. Mereka perlu dilahirkan dengan pemikiran yang berdaya saing serta sentiasa berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan yang cemerlang.

## **TAHNIAH PELAJAR CEMERLANG**

Hadirin Sekalian,

26. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada hari ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pelajar yang akan menerima anugerah atas pencapaian mereka ini.

27. Diharapkan kecemerlangan tersebut tidak berakhir di sini sahaja. Teruskanlah kecemerlangan itu sampai bila-bila. Segala kejayaan ini tidak seharusnya meleakakan kita.

Benar, kita telah mencipta banyak kejayaan, tetapi ini tidak bermakna bahawa kita boleh selesa berpeluk tubuh mengharapkan setiap kejayaan yang dicipta pada masa lalu akan berulang dengan sendirinya pada masa hadapan.

28. Hakikatnya, kita sedang menghadapi pelbagai cabaran baharu yang menuntut supaya kita sentiasa meneroka ilmu terkini, melakukan inovasi dan berusaha untuk melangkaui sempadan kecemerlangan.

29. Kepada para pelajar yang tidak berjaya, janganlah kecewa tetapi ingatlah pesanan saya ini. Untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang, kita harus mempunyai sikap rajin berusaha dan tidak mudah berputus asa. Berpeganglah pada prinsip “alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.” Bangkit semula, bergerak ke hadapan untuk menuju cita-cita anda.

## **PENUTUP**

30. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan

tahniah dan syabas kepada pihak SMK Kuala Nerang kerana berjaya menganjurkan Majlis Anugerah Cemerlang tahun ini.

31. Sebelum saya berundur diri, saya juga ingin menarik perhatian hadirin sekalian pada gurindam ini;

Jika murid mendengar kata,  
Tidak guru berkata cela,  
Jika ibu bapa bekerjasama,  
Tidaklah anak berdukacita,  
Jika kita seia sekata,  
Tiada timbul sengketa,  
Jika seiring kita berusaha,  
Pasti semua akan Berjaya.

32. Dengan satu iltizam mencapai kecemerlangan, saya dengan lafaz Bismillahirrahmannirahim merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang SMK Kuala Nerang kali ke-21, tahun 2022.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.